



# KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 12, Blok E7, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8000 8000

Ruj.Kami : KKM.600-30/4/1 Jld.11 (82)

Tarikh : 2 Januari 2025

*Ybg. Datuk/ Dato'/ Dato' Indera/ Datin/ Tuan/ Puan,*

**SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN KEMENTERIAN  
KESIHATAN MALAYSIA BIL. ....<sup>1</sup>.../2025  
ARAHAN PELAKSANAAN PEMANTAUAN PERTUMBUHAN KANAK-KANAK  
OLEH PENGAMAL PERUBATAN SWASTA**

## **TUJUAN**

1. Surat pekeliling ini bertujuan menerangkan tatacara pelaksanaan pemantauan pertumbuhan oleh pengamal perubatan swasta di hospital dan klinik-klinik swasta di seluruh negara.

## **LATAR BELAKANG**

2. Beban Berganda Malpemakanan (BBM) di kalangan kanak-kanak merupakan isu kesihatan awam yang signifikan. Tinjauan Morbiditi Kesihatan Kebangsaan 2022 (*National Health Morbidity Survey - NHMS 2022*) telah merekodkan prevalen BBM yang terus meningkat dalam kalangan kanak-kanak bawah 5 tahun, yang mana prevalen bantut ialah sebanyak 21.2%, kurang berat badan sebanyak 15.3%, susut sebanyak 11% dan berlebihan berat badan sebanyak 6%.

3. Selepas usia 18 bulan, kedatangan kanak-kanak ke fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia untuk pemantauan pertumbuhan semakin menurun ekoran tamatnya pemberian imunisasi mengikut Program Imunisasi Kebangsaan. Data kedatangan pada tahun 2023 menunjukkan hanya 58% kanak-kanak berusia 1 hingga 4 tahun hadir ke fasiliti KKM.
4. Dianggarkan sebanyak 30% kanak-kanak bawah 1 tahun mendapatkan perkhidmatan dari hospital dan klinik swasta untuk vaksinasi, pemeriksaan kesihatan dan rawatan penyakit ringan. Selain itu, fasiliti kesihatan swasta merupakan *entry point* yang penting bagi penyampaian perkhidmatan kesihatan kanak-kanak. Pengamal perubatan swasta berpeluang untuk memantau status pertumbuhan kanak-kanak setiap kali mereka datang ke fasiliti kesihatan swasta.
5. Pada 6 Ogos 2024, YB Menteri Kesihatan telah melancarkan inisiatif pengukuhan 1000 Hari Pertama dan mengadakan sesi dialog bersama pemegang taruh kesihatan kanak-kanak. Antara syor yang dipersetujui pada sesi dialog tersebut adalah mempertingkatkan pengesanan awal kanak-kanak yang mempunyai masalah pertumbuhan di fasiliti kesihatan swasta. Buku rekod kesihatan bayi & kanak-kanak (0- 6 tahun) (BRKK) boleh digunakan oleh pengamal perubatan swasta dalam memastikan kesinambungan penilaian dan pemantauan tumbesaran kanak-kanak.

#### **KAEDAH PELAKSANAAN PEMANTAUAN PERTUMBUHAN OLEH PENGAMAL PERUBATAN SWASTA**

6. Pengamal perubatan swasta hendaklah menjalankan pemeriksaan pertumbuhan kanak-kanak secara berkala sebagai sebahagian dari rawatan apabila kanak-kanak di bawah 5 tahun dirawat di fasiliti.
7. Sebagai kesinambungan pemantauan pertumbuhan, Buku Rekod Kanak-Kanak (BRKK) yang diberikan kepada kanak-kanak oleh Kementerian Kesihatan Malaysia boleh digunakan oleh pengamal perubatan swasta. KKM akan mewar-warkan supaya ibu bapa membawa BRKK apabila mendapatkan rawatan di klinik dan hospital swasta melalui media sosial.

8. Pengamal perubatan swasta hendaklah menggunakan:
  - i. Carta berat-untuk-umur untuk mengesan kurang berat badan dan berlebihan berat badan
  - ii. Carta panjang/ tinggi-untuk-umur untuk mengesan bantut
  - iii. Carta BMI-untuk-umur untuk mengesan susut dan obesiti
9. Penilaian pengukuran dan interpretasi serta tindakan lanjutan disediakan dalam Garis Panduan di Lampiran 1. Garis Panduan ini juga boleh diakses di laman sesawang Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga.
10. Pengamal perubatan swasta hendaklah merujuk kes-kes yang didapati mempunyai masalah pertumbuhan kepada Pakar Pediatrik bagi tindakan lanjut.

#### **TARIKH PELAKSANAAN**

11. Arahan pelaksanaan ini berkuatkuasa mulai 15 Januari 2025.

#### **PERTANYAAN**

12. Sebarang pertanyaan dan maklumbalas penambahbaikan berkaitan dengan pelaksanaan dan garis panduan ini hendaklah dikemukakan kepada:

Pengarah

Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga

Kementerian Kesihatan Malaysia Aras 7, Blok E10, Parcel E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62590 Putrajaya


(No. Tel :03-8883 4042/ 4044/ 4190)

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

*Saya yang menjalankan amanah,*



**(DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN)**

s.k Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Setiausaha  
(Pengurusan)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan  
(Kesihatan Awam)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan  
(Perubatan)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan  
(Penyelidikan & Sokongan Teknikal)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

## **SENARAI EDARAN**

Pengarah  
Bahagian Pemakanan

Pengarah  
Bahagian Perkembangan Perubatan

Pengarah  
Bahagian Perancangan

Pengarah  
Bahagian Kawalan Penyakit

Pengarah  
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga

Pengarah  
Bahagian Amalan Perubatan

Pengarah  
Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam

Pengarah  
Institut Penyelidikan Perubatan

Presiden  
Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM)

Presiden  
Malaysian Medical Association (MMA)

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Perak

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan K.L / Putrajaya

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan